

NAMA:..... Tingkatan :.....

SULIT
1249/2
Sejarah
Kertas 2
April/Mei
2011
 2 ½ jam



BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN

TINGKATAN 5 2011

SEJARAH

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama dan tingkatan** pada ruang yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B.**
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam kertas jawapan sendiri.
6. Ikat kertas jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

SULIT

2

1249/2

Bahagian A

[40 *markah*]

Jawab **semua** soalan.

1 Sistem Republik di Rom telah berubah apabila Rom mencapai taraf empayar semasa pemerintahan Julius Caesar.

(a) Apakah maksud Republik?

(i)
[1 *markah*]

(b) Senaraikan tiga ciri sistem Republik

(i)
(ii)
(iii)
[3 *markah*]

(c) Jelaskan dua perubahan yang dilakukan oleh Julius Caesar semasa memerintah Rom?

(i)
(ii)
[2 *markah*]

(d) Namakan dua kawasan jajahan takluk beliau?

(i)
(ii)
[2 *markah*]

(e) Pada pendapat anda, apakah kelebihan amalan demokrasi di negara kita?

(i)
(ii)
[2 *markah*]

SULIT

3

1249/2

2 Perjanjian Hudaibiyah telah diingkari oleh orang Quraisy, pihak Islam bertegas ingin menghantar tentera dan seterusnya membuka semula kota Makkah.

(a) Senaraikan tokoh yang mengetuai pasukan tentera Islam memasuki kota Makkah.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kepentingan peristiwa pembukaan semula kota Makkah.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan sebab-sebab Nabi Muhammad s.a.w. membuka semula kota Makkah.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Mengapakah pembukaan semula kota Makkah berjaya dilaksanakan secara aman?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Apakah iktibar daripada peristiwa kejayaan umat Islam membuka semula kota Makkah?

(i)

(ii)

[2 markah]

SULIT

4

1249/2

3

Gerakan Islah di Tanah Melayu merupakan satu gerakan meningkatkan minda bangsa yang berusaha mendorong masyarakat Melayu supaya membetulkan pandangan mereka terhadap ajaran Islam.

(a) Namakan tokoh yang mempelopori Gerakan Islah

(i)

[1 markah]

(b) Namakan **dua** akhbar yang digunakan oleh Kaum Muda untuk menyebarkan idea dan perjuangan mereka.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan **tiga** matlamat perjuangan Kaum Muda ?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(d) Mengapakah Gerakan Islah tidak dapat bergerak dengan berkesan di Negeri-Negeri Melayu?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan iktibar daripada pergerakan ini kepada generasi hari ini.

(i)

(ii)

[2 markah]

SULIT

5

1249/2

4 Undang-Undang dalam masyarakat Melayu terbahagi kepada dua iaitu, undang-undang bertulis dan undang-undang tidak bertulis.

(a) Apakah tujuan undang-undang digubal dalam masyarakat Melayu ?

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Nyatakan dua ciri undang-undang berikut;

Adat perpatih

(i)

(ii)

[2 markah]

Adat Temenggung

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan dua undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Pada pengetahuan sejarah anda, apakah kesan pengaruh Islam terhadap perundangan di Tanah Melayu?

(i)

(ii)

[2 markah]

**[Lihat Sebelah
SULIT**

SULIT

6

1249/2

BAHAGIAN B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5 Pelbagai warisan kesenian dan kesusasteraan yang ditinggalkan oleh kerajaan awal di seluruh Asia Tenggara yang mempunyai pengaruh Hindu dan Buddha telah mempengaruhi aspek kehidupan masyarakat.

(a) Apakah kepentingan bahasa Sanskrit kepada masyarakat kerajaan awal di Asia Tenggara?

[8 markah]

(b) Terangkan pengaruh India dalam bidang kesusasteraan di Asia Tenggara.

[8 markah]

(c) Pada pandangan anda, nyatakan pengaruh kebudayaan Hindhu dan Buddha yang masih diamalkan sehingga hari ini?

[4 markah]

6 Penyebaran Islam secara tidak langsung telah membawa pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia.

(a) Jelaskan cara-cara pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia.

[10 markah]

(b) Apakah kesan pertembungan daripada sudut keagamaan yang dapat memberi sumbangan kepada peradaban manusia?

[6 markah]

(c) Pada pandangan anda, apakah kunci kejayaan orang Islam dalam bidang ekonomi?

[4 markah]

**[Lihat Sebelah
SULIT**

SULIT

7

1249/2

- 7 *Renaissance* bermaksud “kelahiran semula” iaitu merujuk kepada penghargaan semula ilmu yang dihasilkan oleh cendekiawan dalam Tamadun Yunani dan Rom. Zaman *Renaissance* telah meninggalkan kesan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang intelektual, politik, ekonomi dan sosial.
- (a) Terangkan faktor-faktor yang mencetuskan *Renaissance*. [8 markah]
- (b) Huraikan kesan-kesan *Renaissance* terhadap bidang politik, ekonomi dan sosial masyarakat di Eropah. [8 markah]
- (c) Pada pengetahuan sejarah anda, apakah iktibar yang boleh diambil daripada perkembangan pada zaman *Renaissance*. [4 markah]
- 8 Kuasa-kuasa Barat telah menguasai Asia Tenggara sejak abad ke-15.
- (a) Terangkan ciri-ciri sistem birokrasi Barat yang telah diperkenalkan di Asia Tenggara. [4 markah]
- (b) Nyatakan perubahan sistem politik yang diperkenalkan oleh kuasa Barat kepada negeri-negeri berikut:
- (i) Indonesia [6 markah]
- (ii) Thailand [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah iktibar daripada pengenalan birokrasi Barat di Asia Tenggara. [4 markah]
- 9 Pengenalan Malayan Union pada tahun 1946 merupakan usaha British untuk menghapuskan Negara dan Bangsa yang telah dibina sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- (a) Terangkan ciri-ciri pentadbiran Tanah Melayu berdasarkan Perjanjian Malayan Union 1946? [6 markah]
- (b) Huraikan sebab-sebab orang Melayu menentang Malayan Union 1946. [10 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan ke atas negara kita jika Malayan Union berjaya dilaksanakan oleh penjajah British? [4 markah]